

Ceramah Khas Penerangan
Mengenai dengan Penguatkuasaan
**PERINTAH KANUN HUKUMAN JENAYAH
SYARIAH, 2013**

bagi Fasa Pertama

oleh

**YANG BERHORMAT DATIN SERI PADUKA HAJAH HAYATI BINTI PEHIN ORANG
KAYA SHAHBANDAR DATO SERI PADUKA HAJI MOHD SALLEH**

PEGUAM NEGARA

Sempena Majlis Pengisytiharan Penguatkuasaan
Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013

Pada

Hari Rabu

30 Jamadilakhir 1435

bersamaan

30 April 2014

Tempat

Pusat Persidangan Antarabangsa

Berakas

Negara Brunei Darussalam

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Segala puji bagi Allah Subhanahu wata'ala, selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Salallahu 'Alaihi Wassalam, kaum kerabat, para sahabat dan juga pengikut-pengikut Baginda yang jujur lagi setia hingga ke akhir zaman.

Mengadap kehadiran Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Ampun beribu ampun,

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik menjunjung limpah kurnia perkenan menunaikan hajat Jawatankuasa Majlis Pengisytiharan Penguatkuasaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 untuk menyampaikan Ceramah Khas Penerangan dalam Majlis ini. Hamba Kebawah Duli Tuan Patik juga menjunjung kurnia perkenan untuk menggunakan bahasa biasa untuk kemudahan.

Para hadirin yang dihormati. Tajuk yang diberikan kepada saya berbunyi "Penguatkuasaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 – Fasa Pertama"

Apabila saya dimaklumkan untuk menyampaikan Ceramah Khas Penerangan pada majlis yang bersejarah ini, tidak dinafikan saya mulanya agak keberatan kerana memandangkan ianya berkisar kepada perkara undang-undang jenayah syariah. Masya Allah, siapalah saya dan apalah kepakaran yang ada pada saya untuk menyampaikan ceramah mengenainya. Sedangkan sebagai hamba Allah yang banyak kelemahan dan serba kekurangan, dan mempunyai kelulusan dan pengalaman dalam undang-undang sivil, saya juga sedang berterusan cuba meningkatkan kefahaman dengan membaca buku-buku dan hasil tulisan pakar-pakar di Negara kita yang arif mengenainya khususnya buku "Qanun Jenayah

Syari'ah: Satu Pengenalan" hasil pena Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, satu wadah yang berkesan untuk memahami kehebatan dan hikmah disebalik undang-undang Allah. Pengetahuan berguna juga diperolehi dari penglibatan Pejabat Peguam Negara ke arah penggubalan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013.

Bagaimanapun, setelah diyakinkan oleh pihak penganjur bahawa tujuan Ceramah Khas Penerangan ini adalah khusus untuk memberi kefahaman kepada penguatkuasaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 Fasa Pertama itu dan kaitannya kepada kuasa yang diberikan kepada Peguam Negara, selaku Pendakwa Raya di bawah Perkara 81 Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, dan pelaksanaannya berjalan seiring dengan undang-undang sivil buat masa ini, maka barulah saya dengan bertawakal kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala menyatakan kesediaan untuk menyampaikan hajat penganjur. Mudah-mudahan apa jua sedikit pengetahuan yang akan saya kongsi ini serba sedikit akan mencapai hasrat dan tujuan pihak penganjur itu dan memberikan manfaat kepada para hadirin yang dihormati.

Pendahuluan

Para hadirin sekalian,

Saya akan menyampaikan Ceramah Khas Penerangan saya mengikut format berikut:

Pertama, saya akan membawa para hadirin untuk sama-sama mengimbas kembali dan menghayati beberapa petikan titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkaitan dengan pelaksanaan undang-undang jenayah syariah yang menggambarkan perjalanan yang panjang (the long journey) visi dan keazaman Baginda yang membawa kita ke arah penguatkuasaan (fasa pertama) Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 bermula tarikh kuatkuasa 1 Mei 2014 yang diisytiharkan oleh Baginda baru sebentar tadi.

Kedua, saya akan menerangkan secara ringkas sistem keadilan jenayah Negara Brunei Darussalam masa ini.

Ketiga, saya akan bercakap mengenai dengan sistem dan proses keadilan jenayah selepas tarikh kuatkuasa 2014. Khususnya bagi fasa pertama Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013, terutama bagi bidangkuasa bertindih (kesalahan dimana kedua-dua mahkamah sivil dan mahkamah syariah sama-sama mempunyai bidangkuasa seperti curi, rompak dll).

Keempat, saya akan berkongsi sedikit perbezaan mengenai dengan tahap pembuktian dan hukuman di Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah.

Tarikh kuatkuasa

Bagi mengelak kekeliruan, perlu saya jelaskan terlebih dahulu bahawa Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 telah mula digazetkan pada 22 Oktober 2013 dan sebagai jadual pelaksanaan, telah disebutkan akan mula berkuatkuasa enam bulan selepasnya secara berfasa.

Bab 1(1) dari Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 memperuntukkan:

“Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada suatu tarikh atau tarikh-tarikh yang akan ditetapkan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan Pemberitahuan yang disiarkan dalam Warta Kerajaan.”

Sehubungan dengan itu tarikh kuatkuasa 1 Mei 2014. Bagi fasa pertama telahpun diisytiharkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebentar tadi. Alhamdulillah.

Perjalanan Negara Brunei Darussalam ke arah pelaksanaan:

(Petikan titah-titah)

Titah sempena pembukaan rasmi Persidangan Belia Islam Asia Tenggara dan Pasifik di Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan Pada **18 Mac, 1984**:

"Adalah menjadi hasrat Beta dan Kerajaan Beta untuk terus memelihara ajaran-ajaran Islam menurut Ahli Sunnah Wal-Jamaah sebagai suatu cara hidup dan landasan kepada pentadbiran Kerajaan Negara Brunei Darussalam – sesuai dengan kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi Negara. Salah satu usaha yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Beta pada masa ini ialah untuk mempersaingkan undang-undang Negara dengan kehendak-kehendak hukum Islam dan hukum syarak. Usaha ini tidaklah dapat dilaksanakan dengan secepatnya kerana Negara Brunei Darussalam masih kekurangan dari segi tenaga manusia berkemahiran dibidang ini. Insya Allah Kerajaan Beta akan berusaha pada mendapatkan kemungkinan bantuan kepakaran termasuk latihan-latihan dibidang ini dari Negara Negara Islam yang telah berpengalaman."

Titah bersempena hari keputeraan Baginda yang ke 50 tahun di balai singgahsana Istana Nurul Iman, pada **15 Julai 1996**:

*"Oleh itu, dengan rasa keimanan yang bulat terhadap peraturan dan undang-undang Allah, maka Beta telah memperkenankan penubuhan mahkamah-mahkamah syara'iah sehingga ketahap yang setinggi-tingginya, bagi menangani bukan sahaja pentadbiran undang-undang keluarga, malahan juga diketika yang sesuai dan munasabah akan juga mengendalikan **Qanun Jina'-I Islam** yakni **Islamic Criminal Act** selengkapnya, sebagaimana yang dituntut oleh Allah Subhanahu Wataala."*

Titah sempena menyambut awal tahun baru Hijrah 1422 pada **25 Mac 2001**:

"Oleh itu, selaku Daulah Islamiah kita adalah sentiasa mengemaskan diri, dan ke arah ini, Kerajaan Beta pada masa ini sedang rancak bergerak menyesuaikan undang-undang Negara dengan kehendak-kehendak hukum syara'. Melalui Majlis Ugama Islam dengan kerjasama berbagai pihak termasuk Pejabat Peguam Negara, kita telahpun menyelesaikan beberapa buah undang-undang yang baru."

Titah di Mesyuarat Majlis Ugama Islam pada **15 Mac 2011**:

"Pada hemat Beta, dengan kita mempunyai dua sistem perundangan dan dua sistem kehakiman, syarak dan sivil, adalah tiada masalah jika ia dikekalkan berjalan seiring. Yang sivil sahaja kita sudah banyak menyesuaikan dengan kehendak ugama, lagipun bukan semua sivil itu bertentangan dengan syarak. Mana-mana yang tidak bertentangan dengan syarak, kita kekalkan ia, sementara yang bertentangan sahaja kita sesuaikan dengan kehendak syarak."

"Dalam masa jika Brunei memiliki Undang-undang Jenayah syariahnya, ia juga boleh terus mengekalkan undang-undang yang sedia ada malah ia adalah mustahak, mengapa? Kerana ke arah pelaksanaan Undang-undang Jenayah Syarak itu bukanlah satu perkara yang mudah tetapi amat sukar, mengapa ianya sukar, kerana syarat-syaratnya terlampau ketat."

Titah Mesyuarat Majlis Ugama Islam Brunei Pada **10 Oktober 2011**:

"Beta tetap percaya, sebagaimana pernah Beta titahkan di persidangan Malis Ugama Islam Brunei Mac yang lalu, bahawa dua-dua sistem perundangan syarak dan sivil ini tidak ada masalah, kalau ianya berjalan seiring. Tambahan lagi kita ada cara yang cantik, iaitu mana-mana sivil yang bertentangan dengan syarak, akan disesuaikan dengan"

kehendak syarak. Disamping kita juga memahami bahawa bukan semua sivil itu bertentangan dengan syarak.

Barangkali cara ini jarang ada dimana-mana. Jika ia benar, maka kitalah yang terulung."

Titah di Majlis Perasmian Seminar Antarabangsa Perundangan Islam Tahun 1432 Hijrah/2011 Masihi, pada **12 Oktober 2011** bertempat di Pusat Persidangan Pertahanan Antarabangsa (BRIDEX):

"Kerana itu, Beta amatlah terpenggil tanpa sebarang keraguan, untuk melihat satu akta Undang-Undang Jenayah Syarak wujud dan dilaksanakan, disamping tidak menolak undang-undang biasa juga akan masih digunapakai.

Dalam makna, Akta Jenayah Syarak adalah diperlukan, sementara Akta sivil biasa, masih saja tidak diketepikan.

Dalam Persidangan Majlis Ugama Islam pada dua hari lepas, Beta ada menyebut tentang kerjasama di antara pihak Perundangan Islam dan Perundangan Sivil. Kedua-dua pihak ini telahpun menjalani kerjasama yang baik, dan kerjasama itu perlu diteruskan."

Titah sempena hari keputeraan Baginda yang ke 66 tahun pada **15 Julai 2012**:

"Bersukut dengan 66 tahun keputeraan Beta ini, dengan segala kesyukuran, yang akan melepaskan kita semua terutama Raja, dari dituntut oleh Allah Ta'ala pada Hari Kandila kelak, maka Beta dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Pemurah, setelah meneliti dan mendapat nasihat daripada Badan yang berkenaan, sukacita memaklumkan bahawa Beta telah memperkenankan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah untuk dilaksanakan di Negara ini, namun dalam pada itu, peruntukan sivil atau ta'zir atau seakan-akan ta'zir akan terus juga digunapakai mengikut keperluan."

Titah di Perasmian Majlis Ilmu 2013 sempena hari Keputeraan Baginda yang ke 67 tahun pada **22 Oktober 2013**:

"Dengan izin Allah jua, Akta Perintah ini, pada hari ini 22 Oktober 2013 mula digazetkan dan akan mula berkuatkuasa enam bulan selepasnya secara berfasa."

Para hadirin yang dihormati,

Jika diteliti dan diamat-amati titah-titah tersebut, jelas sekali, perjalanan kita ke arah pelaksanaan undang-undang jenayah syariah telah diatur dalam masa yang begitu lama dan visi Baginda yang dibuat dengan penuh bijaksana itu adalah bagi Negara ini mempunyai sistem keadilan jenayah yang unik yang tidak terdapat di negara-negara lain, termasuk yang sudah menguatkuasakan undang-undang jenayah syariah, di mana sistem jenayah sivil dan sistem jenayah syariah akan berjalan seiring. Peruntukan undang-undang jenayah syariah akan terpakai jika mencukupi syarat-syarat yang dikehendaki oleh syarak. Jika tidak undang-undang jenayah (Penal Code) yang ada sekarang akan terus digunapakai.

PENGUATKUASAAN: Fasa Pertama – 1 Mei 2014

Peruntukan-peruntukan di bawah Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 yang akan berkuatkuasa pada Fasa Pertama:-

Saya difahamkan senarai peruntukan-peruntukan itu telah diberikan kepada para hadirin oleh Jawatankuasa penganjur dan bagi menjimatkan masa, saya tidak akan membacanya satu persatu. Fasa Pertama meliputi pelaksanaan peruntukan yang hanya melibatkan hukuman denda dan penjara.

Bagi memastikan peruntukan-peruntukan yang disenaraikan itu dapat dilaksanakan setelah penguatkuasaannya, beberapa pindaan kepada undang-undang yang sedia ada telahpun mendapat titah perkenan seperti berikut:

- 1) **Perintah Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah (Pindaan) 2014** - pindaan ini akan meningkatkan bidangkuasa jenayah

bagi Mahkamah Rendah Syariah dan juga bidangkuasa rayuan kepada Mahkamah Tinggi Syariah.

- 2) **Perintah Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi (Pindaan) 2014** - pindaan adalah berkaitan dengan pengenaan Kanun Peraturan Jenayah (Penggagal 7) dan hukum syarak bagi prosiding jenayah di Mahkamah Syariah sebelum penguatkuasaan undang-undang peraturan jenayah khusus bagi mahkamah syariah yang masih dalam proses penggubalan.
- 3) **Perintah Keterangan Mahkamah Syariah (Pindaan) 2014** – pindaan adalah bagi mengemaskinikan undang-undang yang berjalan pada masa ini.

Penguatkuasaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 membuka lembaran baru dalam sistem perundangan Negara Brunei Darussalam dan membawa cabaran yang unik. Kanun Hukuman Jenayah Sivil (*Penal Code*) masih dikekalkan dan akan terus berjalan. Ini bermakna Negara Brunei Darussalam mempunyai dua sistem keadilan jenayah yang akan berjalan seiring. Persoalannya ialah adakah ini boleh dilaksanakan? Saya berharap penerangan ini akan memberikan penjelasan bagaimana isu yang nampak pada zahirnya adalah sukar diselaraskan sebenarnya ada jalan penyelesaiannya.

Sistem Keadilan Jenayah Sivil dan Syariah Negara Brunei Darussalam

Matlamat sesuatu sistem keadilan adalah bagi keadilan ditegakkan. Undang-undang perlu ditadbirkan dan dilaksanakan. Keadilan tidak akan tercapai jika ia tidak ditadbir dengan baik, licin, berkesan dan adil. Oleh yang demikian institusi perundangan dan kehakiman dan perlantikan pegawai-pegawai yang berkhidmat mentadbir dan mengendalikannya memanglah amat penting.

Sistem keadilan jenayah sivil dan syariah di Negara Brunei Darussalam terdiri daripada elemen-elemen berikut:

(a) Mahkamah

Mahkamah-Mahkamah sivil yang terdiri daripada Mahkamah Majistret, Mahkamah Perantaraan dan Mahkamah Tinggi akan mendengar dan memutuskan kes-kes jenayah seperti kes bunuh, mencuri, merompak, rogol, rasuah, penyalahgunaan dadah dan sebagainya. Ketua

Kehakiman adalah Ketua Hakim, yang pada masa ini disandang oleh Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Haji Kifrawi bin Dato Paduka Haji Kifli, yang juga mendengar kes-kes di Mahkamah Tinggi. Negara Brunei Darussalam tidak mempunyai sistem juri. Kes-kes jenayah didengar di hadapan seorang hakim atau majistret melainkan kes-kes yang membawa kepada hukuman mati yang didengar oleh dua orang hakim Mahkamah Tinggi.

Kes-kes jenayah yang melibatkan kanak-kanak dibawah umur 18 tahun akan didengar oleh Mahkamah Juvena.

Mahkamah-Mahkamah Syariah yang terdiri dari Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah diketuai oleh Ketua Hakim Syar'ie, yang pada masa ini disandang oleh Yang Amat Arif Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim. Ketua Hakim Syar'ie adalah juga Pengerusi Mahkamah Rayuan Syariah.

Semua prosiding jenayah samaada di mahkamah sivil atau syariah akan didengar di mahkamah terbuka. Walau bagaimanapun, orang ramai akan dikecualikan dan prosiding akan didengar secara tertutup (in camera) jika mahkamah berpandangan bahawa ianya adalah bagi kepentingan keadilan untuk berbuat sedemikian, misalannya semasa mangsa kes rogol memberi keterangan.

(b) Pendakwaan

Semua pendakwaan di mahkamah-mahkamah sivil dibuat atas nama Pendakwa Raya. Peguam Negara adalah juga Pendakwa Raya seperti yang diperuntukkan dalam bab 374 Kanun Peraturan Jenayah (Penggagal 7). Dibawah bab tersebut Pendakwa Raya mempunyai kuasa arahan dan kawalan didalam pendakwaan dan prosiding jenayah. Menurut Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Peguam Negara selaku Pendakwa Raya mempunyai kuasa untuk memulakan, menjalankan atau memberhentikan mana-mana prosiding jenayah kecuali kes-kes yang didengar di Mahkamah Tentera dan Mahkamah Syariah. Dalam menjalankan kuasa tersebut Pendakwa Raya adalah tidak dibawah arahan atau kawalan mana-mana orang atau autoriti. Kebebasan ini adalah penting kerana Pendakwa Raya mesti menjaga kepentingan awam.

Bahagian Keadilan Jenayah Pejabat Peguam Negara bertanggungjawab dalam menjalankan tugas Pendakwa Raya bagi mengendalikan pendakwaan di mahkamah. Bahagian ini juga berkerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang seperti Pasukan Polis Diraja Brunei, Biro Kawalan Narkotik, Biro Mencegah Rasuah, Jabatan Imigresen dan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei. Pegawai-pegawai dari agensi-agensi berkenaan ada juga menjalankan pendakwaan bagi pihak Pendakwa Raya dalam kes-kes bersesuaian yang berkaitan dengan bidangkuasa masing-masing.

Pendakwaan kes-kes jenayah di mahkamah-mahkamah Syariah dijalankan oleh Ketua Pendakwa Syarie dengan dibantu oleh Pendakwa-Pendakwa Syarie. Bab 25(2) Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah (Penggalaan 183) memberikan kuasa kepada ketua pendakwa syarie yang boleh dijalankan menurut budibicaranya bagi memulakan dan menjalankan mana-mana prosiding bagi sesuatu kesalahan di hadapan Mahkamah Syariah. Pada menjalankan kuasa ini Ketua Pendakwa Syarie tidak tertakluk kepada arahan atau kawalan mana-mana orang atau pihak berkuasa.

(c) Penyiasatan

Penyiasatan ke atas kesalahan-kesalahan di bawah bidangkuasa mahkamah-mahkamah sivil dijalankan oleh agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang seperti pasukan Polis Diraja Brunei, Biro Kawalan Narkotik, Biro Mencegah Rasuah, Jabatan Imigresen dan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja. Kertas-Kertas Siasatan akan dirujuk kepada Pendakwa Raya bagi penelitian dan pendakwaan.

Penyiasatan ke atas kesalahan-kesalahan di bawah bidangkuasa mahkamah-mahkamah Syariah dijalankan oleh Pegawai-Pegawai Penguatkuasa Agama yang diketuai oleh Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama. Kertas-Kertas Siasatan akan dirujuk kepada Ketua Pendakwa Syarie bagi penelitian dan pendakwaan.

(d) Perwakilan

Setiap tertuduh mempunyai hak untuk dibela oleh peguam yang berdaftar sebagai peguambela dan peguamcara (advocate and solicitor) di bawah Akta Ikhtisas Peguam bagi mahkamah sivil dan sebagai peguam syarie bagi mahkamah syariah.

Bagi kes-kes yang membawa kepada hukuman mati di mahkamah sivil, bantuan guaman (legal aid) akan diberikan kepada setiap tertudoh yang memerlukan bantuan.

Persoalan-Persoalan Bidangkuasa Fasa Pertama

Adalah jelas Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 memberikan bidangkuasa untuk mendengar dan memutuskan kes-kes kesalahan jenayah di bawah Perintah tersebut kepada Mahkamah Syariah.

Persoalan-persoalan yang sering ditanyakan pada masa ini ialah dimanakah kesalahan kesalahan yang terkandung di bawah Perintah ini akan dilaporkan? – Balai Polis atau Pejabat Penguatkuasa Agama? Siapa akan menyiasat kesalahan tersebut? - Polis atau Penguatkuasa Agama? Siapa akan mendakwa kes? - Pendakwa Raya atau Pendakwa Syarie? Mahkamah mana akan mendengar kes? - Mahkamah Sivil atau Mahkamah Syariah?

Sistem Keadilan Jenayah setelah 1 Mei 2014, Fasa Pertama

Pada menjunjung hasrat Raja kita yang murni dan berpandukan titah-titah mengenainya serta amalan yang digunapakai sekarang bagi kes-kes jenayah termasuk yang mempunyai pertindihan bidangkuasa boleh diselesaikan secara khusus seperti berikut:

A. Jika Kesalahan tidak bertindih (Kesalahan di bawah bidangkuasa Mahkamah Syariah sahaja)

(i) Pengaduan

Pengaduan bagi kes-kes yang melibatkan kesalahan-kesalahan yang di bawah bidangkuasa Mahkamah Syariah sahaja seperti tidak menunaikan sembahyang Jumaat, tidak menghormati bulan Ramadan, khalwat, perbuatan tidak sopan, pemujaan dan mengembangkan ugama selain ugama Islam akan dibuat kepada Pejabat Penguatkuasa Ugama.

(i) Penyiasatan

Penyiasatan kes-kes seperti yang tersebut di atas akan dibuat oleh Pejabat Penguatkuasa Agama dengan dibantu oleh pihak Polis dan agensi-agensi penguatkuasa undang-undang lain jika perlu.

(ii) Penilaian Keterangan

Setelah penyiasatan selesai dijalankan, kertas siasatan akan dihadapkan bagi penelitian kepada Ketua Pendakwa Syarie dengan dibantu oleh Pendakwaraya jika perlu.

(iii) Pendakwaan

Jika setelah penelitian terdapat bukti yang mencukupi bagi pendakwaan, maka pendakwaan akan dibuat oleh Pendakwa Syarie dengan dibantu oleh Timbalan Pendakwa Raya jika perlu.

(iv) Mahkamah Perbicaraan

Kes jenayah tersebut akan didengar di hadapan Mahkamah Rendah Syariah atau Mahkamah Tinggi Syariah tertakluk kepada bidangkuasa masing-masing.

B. Bagi kesalahan-kesalahan yang bertindih (Kesalahan di bawah bidangkuasa kedua-dua Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil)

(i) Penyiasatan

Penyiasatan kes-kes yang melibatkan kesalahan-kesalahan yang di bawah bidangkuasa mahkamah Syariah dan mahkamah Sivil seperti curi, rompak, bunuh, melakukan kecederaan dan rogol akan, seperti pada masa sekarang, dilaporkan kepada dan disiasat oleh Pasokan Polis Diraja Brunei dengan dibantu oleh Unit Penguatkuasa Agama dan agensi-agensi Penguatkuasaan Undang-Undang lain, jika berkenaan.

(ii) Penilaian Keterangan

Setelah penyiasatan selesai dijalankan, kertas siasatan akan dihadapkan bagi penelitian kepada Pendakwa Raya dengan dibantu oleh Ketua Pendakwa Syarie jika perlu. Penilaian akan dibuat samaada terdapat keterangan yang mencukupi bagi pembuktian kesalahan-kesalahan di bawah Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah atau jika suspek ingin membuat pengakuan salah secara *iqrar* menurut Perintah Keterangan Mahkamah Syariah dan Perintah Kanun Peraturan Jenayah Syariah. Dalam hal yang sedemikian, maka kes tersebut akan dipindahkan ke Mahkamah Syariah dengan pendakwaan dibuat oleh Pendakwa Syarie dengan dibantu oleh Timbalan Pendakwa Raya jika perlu. Jika sebaliknya, maka

pendakwaan akan diteruskan di bawah *Penal Code* di Mahkamah sivil.

Penjelasan

Para hadirin sekalian,

Berdasarkan hasrat dan titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, tanggapan luar bahawa Kanun Hukuman Jenayah (*Penal Code*) iaitu undang-undang jenayah sivil yang ada pada masa ini telah dimansuhkan adalah tidak tepat.

Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 akan terpakai jika mencukupi syarat-syarat yang dikehendaki oleh syarak, yang mana, kita telah difahamkan mempunyai piawaian pensabitan yang amat tinggi iaitu tanpa keraguan (*beyond doubt*).

Oleh yang demikian, proses penyiasatan dan pendakwaan awal bagi jenayah-jenayah yang "overlapping" (bertindih) yang ada dikedua-dua Kanun Hukuman Jenayah (*Penal Code*) dan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 adalah seperti yang berjalan sekarang. Penilaian awal akan dibuat untuk menetapkan Mahkamah yang bersesuaian supaya seseorang itu tidak dibicarakan dua kali bagi kesalahan serupa (*double jeopardy*).

Bidangkuasa yang seiring memang telah lama wujud di Negara Brunei Darussalam. Apa yang lebih penting sekarang adalah bagi sistem keadilan seiring ini dipertingkatkan dengan berkuatkuasanya Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013.

Cabaran

Para hadirin yang saya hormati,

Adalah diakui, kejayaan pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 memerlukan agensi-agensi yang terlibat seperti Mahkamah-Mahkamah, Pejabat Peguam Negara, Bahagian Pendakwaan Syari'e, Pasukan Polis Diraja Brunei, Bahagian Penguatkuasa Agama, Jabatan Penjara serta pengamal undang-undang untuk mempunyai pengetahuan, pemahaman, disiplin, integrity dan persediaan yang mencukupi dalam berbagai latihan termasuk latihan praktikal melaksanakan hukuman dan prasarana yang bersesuaian. Saya difahamkan pihak pengurusan Mahkamah-Mahkamah Syariah telahpun menyediakan perancangan bagi tempoh lima tahun (2013 – 2017) bagi

memantapkan Mahkamah-Mahkamah Syariah. Pemberigaan yang meluas mengenai Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 juga telah diungkayahkan dan saya difahamkan, akan diteruskan. Memang sukar untuk memberikan jawapan yang tepat kepada soalan-soalan yang berbentuk terlalu am dan hypothetical (berupa andaian) memandangkan kita belum ada kes-kes di bawah Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 yang telah dibawa ke mahkamah dan dengan itu belum ada keputusan mahkamah dapat digunakan sebagai panduan kita kerana yang membuat keputusan bagi sesuatu kes ialah Hakim tertakluk kepada bukti-bukti yang dikemukakan oleh pendakwa dan menurut Hukum Syarak.

Disamping itu juga semua kes-kes kehakiman mesti tertakluk kepada proses-proses kehakiman yang dapat menjamin keadilan dan hukuman yang saksama atau apa yang dikenali sebagai "due process of law" masih berjalan seperti biasa menurut lunas undang-undang. Prinsip seseorang itu tidak bersalah melainkan setelah dibuktikan yang ianya bersalah (innocent until proven guilty) masih dipakai dan akan berterusan. Walaupun, ada kalanya seseorang itu diadili bersalah atau tidak bersalah oleh orang ramai dalam perbualan di warong kopi dan media sosial. Proses keadilan tetap diteruskan sehingga seseorang itu disabit bersalah atau tidak bersalah oleh mahkamah.

Perbezaan di Antara undang-undang jenayah syariah dan undang-undang jenayah sivil

Izinkan saya menyentuh dengan ringkas mengenai dengan perbezaan di antara undang-undang jenayah sivil dan undang-undang jenayah syariah. Perkara ini telah dibincangkan dengan terperinci dalam buku "Qanun Jenayah Syari'ah: Satu Pengenalan" oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan. Bagi saya sendiri sebagai seorang pengamal undang-undang sivil yang mempunyai pengalaman selaku pendakwa dan hakim, ada tiga perbezaan yang amat ketara yang mengkagumkan saya dan rakan-rakan pengamal undang-undang sivil, yang tidak terdapat di mahkamah sivil.

Pertama ialah, syarat saksi-saksi yang memberi keterangan dalam kes hudud dan qisas mestilah yang adil. Adil dan tidak boleh bercanggah di antara keterangan masing-masing. ADIL bermakna dia tidak melakukan dosa besar dan tidak melazimi dosa kecil. Bagi kes zina mesti ada empat saksi yang adil.

Satu lagi perbezaan yang paling ketara ialah undang-undang ini juga lebih menitikberatkan hak mangsa atau waris mangsa. Contohnya kesalahan membunuh. Hukuman membunuh dengan sengaja dalam undang-undang Penal Code sivil dan syariah adalah sama, iaitu hukuman mati. Tetapi di mahkamah syariah sebelum hukuman dijalankan waris mangsa atau wali-ad-dam boleh memaafkan qisas atau balasan ke atas pesalah tersebut sama ada dengan gantirugi (diyat) atau tidak. Mahkamah atau Kerajaan tidak boleh campur tangan.

Ketiga, ialah cara pelaksanaan hukuman sebat. Kita maklum dan saya sendiri, semasa membuat lawatan kerja ke Jabatan Penjara telah menyaksikan demonstrasi bagaimana ia dijalankan. Rotan dihayunkan dengan sekuat tenaga. Sungguh menakutkan! Tidak hairanlah, semasa saya menjadi Hakim di mahkamah sivil, ada pesalah yang merayu supaya hukuman sebat itu diganti dengan hukuman penjara yang lebih panjang. Bagaimanapun, menurut penerangan Yang Berhormat Mufti Kerajaan, hukuman sebat dalam undang-undang Syariah, memadailah tangan itu diangkat perlahan-lahan dan jangan tinggi melimpasi kepala dan sebatan juga adalah rata dibelakang bukan disatu tempat sahaja. Tujuannya ialah sebagai asuhan dan didikan.

Alangkah baiknya, para hadirin, jika kita dan masyarakat luar dapat memahami perbezaan ini dan tidak terus melihat kepada hukuman tetapi kepada proses pembuktian yang amat sukar dan ketat di bawah undang-undang jenayah syariah itu.

Hukuman itu adalah sebagai alat dan bukan matlamat undang-undang jenayah syariah.

Penutup

Para hadirin yang saya hormati,

Sebagai kesimpulan, secara amnya, pada hemat saya, tiada yang mempertikaikan undang-undang jenayah syariah dan hasrat murni dan kewajipan seorang Raja yang mengasihi rakyat dan dikasihi rakyatnya untuk melaksanakan tanggungjawab selaku Ulil Amri. Siapalah kita untuk berani menghalang hukum Allah.

Bagaimanapun, tidak dinafikan dari segi pelaksanaannya, seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam dan luar Negara akan memerhatikan kita khususnya yang diamanahkan untuk melaksanakannya (all eyes will be on us). Kita berdoa dan bertawakal dengan yakin, pelaksanaan yang akan dijalankan oleh pihak-pihak yang terlibat akan

dijalankan dengan penuh kebijaksanaan, adil dan saksama dengan mengambil kira keamanan dan kemaslahatan rakyat dan Negara. Seperti jua yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan, dalam buku "Qanun Jenayah Syari'ah: Satu Pengenalan", undang-undang jenayah syariah lebih menitikberatkan 'pencegahan' daripada menghukum dan berkonsepkan *amr ma'ruf dan nahy mungkar* (menyeru kepada kebaikan dan mencegah mungkar) iaitu konsep lebih kepada menjinakkan hati daripada menghukum.

Kerjasama erat di antara pegawai penyiasat yang terdiri daripada agensi-agensinya penguatkuasa undang-undang memang telah wujud dan akan berterusan. Begitu juga kerjasama di antara pegawai pendakwa di Pejabat Peguam Negara dan pegawai pendakwa syarie bukanlah perkara baru. Malahan Pejabat Peguam Negara telahpun memberikan latihan kepada pendakwa-pendakwa syarie dari segi prosedur pendakwaan beberapa tahun kebelakangan ini. Kerjasama ini akan dipertingkatkan lagi bagi mengukuhkan kewibawaan pihak-pihak yang terlibat dalam pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 ini. Saya menggalakkan semua rakan pengamal undang-undang sivil untuk sama-sama memahami undang-undang jenayah syariah itu dan begitu juga sebaliknya, kerana matlamat kita semua adalah sama iaitu untuk menjaga keamanan Negara.

Ketua Hakim Syarie Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Arif Pehin SiRaja Khatib Dato Paduka Seri Setia Dr Ustaz Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim pada Majlis Persidangan Hakim Hakim dan Pegawai Kehakiman Syarie pada 4 April 2014 berucap:

"Dengan adanya Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 ini sudah setentunya menjadi cabaran kepada Mahkamah-Mahkamah Syariah khususnya Hakim-Hakim Syarie. Kerana perkara ini adalah merupakan tugas dan tanggungjawab yang besar yang harus dipikul dengan penuh keimanan dengan persediaan-persediaan yang lengkap dan rapi."

Seperti dijangka, beberapa persepsi dan contoh buruk yang disandarkan kepada insiden ketidakadilan (injustice) atau mangsa kezaliman dari luar yang kita pun *wallahu'alam*, tidak tahu kesahihannya, telah dikaitkan dengan kita, yang baru pun jua akan mula melaksanakan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah bermula dengan fasa pertama mulai 1 Mei 2014. Tidak mengapa, kita ambil semua itu sebagai iktibar dan peringatan untuk kita.

Kita penuh yakin bahawa Raja kita yang sentiasa prihatin dan pemedulian akan kebajikan rakyatnya tidak akan membiarkan contoh kezaliman dan ketidakadilan yang diperkatakan ada terjadi ditempat lain itu berlaku di Negara Brunei Darussalam dan proses keadilan, seperti jua yang ada selama ini di Negara Brunei Darussalam, akan terus dibuat berlandaskan keadilan menurut undang-undang, baik di mahkamah sivil atau mahkamah syariah.

Seperti jua titah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada **15hb Mac, 1984**, semasa pembukaan rasmi bangunan Mahkamah Tinggi Negara Brunei Darussalam:

"Beta akan berusaha dengan tidak kendur-kendur sejauh mana yang terupaya untuk memastikan yang kuatkuasa undang-undang sentiasa terpelihara dan pentadbiran keadilan yang saksama lagi bebas senantiasa terjaga. Insya Allah, dengan cara demikian, Negara Brunei Darussalam akan terus maju dalam suasana yang aman dan harmoni untuk kebajikan yang berkekalan rakyat dan penduduknya."

Ampun beribu ampun,

Sekian saja Ceramah Khas Penerangan hamba Kebawah Duli Tuan Patik. Sekiranya terdapat sebarang kesilapan atau suruk langkah yang tidak disenghajakan disepanjang pembentangan ini, hamba Kebawah Duli Tuan Patik menjunjung ampun dan kemaafan jua.

وبالله التوفيق والهداية ، السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalaamu'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik menjunjung anugeraha.